

Surat khabar: Berita Harian
Hari/Tarikh: 13/01/2012, Jumaat
Muka surat: 2

Tajuk : UNIMAS IPTA kedua serah Buku 1 Malaysia

UNIMAS IPTA kedua serah Baucar Buku 1 Malaysia

SAMARAHAN:Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menjadi universiti kedua di negara ini yang sudah menyerahkan Baucar Buku 1Malaysia berjumlah RM200 setiap seorang kepada 10,927 pelajarnya.

Majlis simbolik penyerahan baucer itu dirasmikan Menteri Keadilan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Fatimah Abdullah, semalam.

Pada majlis itu, Fatimah menyerahkan replika cek baucar berkenaan kepada wakil pelajar dari setiap fakulti UNIMAS di Pusat Khidmat Akademik, Kampus UNIMAS, di sini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UNIMAS, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, berkata UNIMAS menjadi universiti kedua terawal menyerahkan baucar terbabit selepas satu universiti awam di Semenanjung yang pertama menyerahkan baucer itu kelmarin.

“Pihak pengurusan unversiti melihat pemberian baucar buku ini adalah sebagai satu dorongan dan galakan kepada pelajar UNIMAS untuk terus menimba ilmu. Baucar ini berjumlah RM200 saja sedangkan buku akademik pelajar, ada yang mencecah RM600 senaskah,

tetapi ia sekurang-kurangnya mengurangkan beban kewangan yang ditanggung pelajar,” katanya.

Prof Mohd Fadzil sehubungan itu berharap pelajar UNIMAS tidak memberi persepsi buruk terhadap pemberian bantuan berkenaan, berikutan kerajaan membelanjakan sejumlah RM260 juta untuk membantu tiga juta pelajar di seluruh negara.

Berikutan bilangan pelajar UNIMAS ramai, pihaknya juga menjangka proses penagihan baucar terbabit akan mengambil masa dan berharap pelajar memahami masalah berkenaan.

“Pihak pengurusan universiti juga sedang membincangkan pelbagai kaedah bagi mempercepatkan lagi penyerahan baucar ini dan mengagihkannya sebelum habis peperiksaan semester, berikutan pelajar akan mula bercuti tidak lama lagi,” katanya.

Sementara itu, pelajar tahun dua, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Sumber Manusia UNIMAS, Mandy Luv Andrew, 21, berkata sebaik menerima baucar berkenaan, beliau akan mengunjungi kedai buku terdekat bagi membeli buku akademik yang sangat diperlukan bagi semester depan.